

CNS2213

U GB 01-07 00167 BA692

bah

WAWASAN 2020 BERGANTUNG KEPADA KUALITI KELUARGA
(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS JAM 10 MALAM INI)

Mahathir - Keluarga

KUALA LUMPUR, 1 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan semua golongan bahawa kejayaan Malaysia menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020, banyak bergantung kepada kualiti keluarga yang diwujudkan.

Perdana Menteri berkata ini kerana keluarga merupakan unit sosial terpenting dalam masyarakat yang boleh menentukan arah dan arus pembangunan masyarakat.

+Sama ada kita berjaya menjadi negara maju atau tidak banyak bergantung kepada kualiti keluarga Malaysia,+ katanya ketika berucap melancarkan program +Rumahku Syurgaku+ di Auditorium Besar, Angkasapuri, di sini.

Oleh itu, katanya, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing ke arah mewujudkan keluarga bahagia dan menyeru kerajaan-kerajaan negeri supaya mengambil inisiatif melaksanakan program tersebut.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata bahawa hasrat kerajaan untuk mewujudkan masyarakat penyayang tidak akan tercapai sekiranya individu yang menjadi elemen terpenting dalam masyarakat membelakangkan sifat-sifat positif yang sepatutnya dimiliki mereka. -- Lagi.

▼01/07/19-39MST

CNS2221

U GB 01-07 00192 BA695

bah

Mahathir - Keluarga 2 Kuala Lumpur (EMBARGO)

+Oleh itu sifat-sifat mulia yang diajarkan oleh Islam seperti sayangkan negara, cintakan keluarga, rajin dan tertib, berdaya saing, bertolak ansur, tidak mensia-siakan masa dan sebagainya perlu dipraktik lebih daripada yang diperkatakan,+ kata beliau.

Perdana Menteri lalu mengingatkan ibu bapa bahawa mereka mempunyai peranan penting untuk memahami hasrat negara dan seterusnya membantu membentuk peribadi generasi muda supaya sesuai dengan perubahan-perubahan yang akan berlaku menjelang tahun 2020.

Katanya, kerajaan sentiasa memberi perhatian serius terhadap kebahagiaan keluarga dan peranannya dalam masyarakat kerana tidak mahu keruntuhan moral dan kehancuran institusi keluarga di barat akibat kebebasan yang tidak terhad, berlaku di sini.

+Tanpa keluarga tidak akan ada kesinambungan nilai hidup di kalangan generasi yang menurut,+ kata Dr Mahathir, dan menambahkan kerajaan bukan sahaja berusaha mempertahankan institusi keluarga tetapi meningkatkan kualiti mereka melalui pelbagai program supaya mereka dapat megecap hasil pembangunan negara.

Beliau memberikan contoh di bawah program pembasmian kemiskinan, kerajaan bukan sahaja melihatnya dari sudut kebendaan tetapi daripada segi kualiti manusia yang menyeluruh termasuk kemiskinan pengetahuan dan kerendahan moral, yang mempunyai kesan terhadap kesejahteraan negara. -- Lagi.

▼01/07/19-50MST

CNS2222

U GB 01-07 00182 BA696

bah

Mahathir - Keluarga 3 (Akhir) Kuala Lumpur (EMBARGO)

Dr Mahathir berkata pelancaran program +Rumahku Syurgaku+ tepat pada masanya ketika kerajaan sedang menyusun strategi dan perancangan menuju ke arah negara maju.

Di samping itu juga beliau mahukan ibu bapa serta generasi muda supaya menghayati ajaran Al-Quran, yang menjelaskan cara-cara ketua keluarga boleh memastikan hidup anak-anak berada di jalan yang benar.

Bagi generasi muda yang merupakan pewaris yang akan menerajui kepimpinan negara pula, mereka perlu mempunyai saksiah yang baik serta memiliki tingkah laku terpuji terutama ketika berhadapan dengan ibu bapa mereka, katanya.

Katanya, mereka perlu kembali kepada ajaran Islam dan Al-Quran memadamkan pelbagai masalah sosial yang berlaku sekarang berpunca daripada kurang didikan dan asuhan agama.

Perdana Menteri juga mengingatkan bahawa faktor terpenting ke arah mewujudkan rumah tangga bahagia adalah didikan dan asuhan dan bagi umat Islam didikan Islamlah yang menjadi terasnya.

Selain daripada faktor kejujuran, keikhlasan, tolong menolong dan bantu membantu bagi mewujudkan suasana bahagian, masyarakat juga perlu sentiasa bersyukur dengan apa yang dikurniakan kepada mereka, kata beliau. --
Bernama.

▼01/07/19-51MST